

## debat perdana

info

## Debat Perdana Gender Diraja (The Great Royal Gender Debate) 2016

- Dibahagikan kepada Kategori Bahasa Melayu dan Kategori Bahasa Inggeris.
- Menggunakan format debat ala Parlimen British.
- Disertai 106 pasukan dari 34 institusi pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta di Malaysia.



Pertandingan akhir menyaksikan persaingan sengit antara pasukan bertanding.

# Debat perdana platform mahasiswa suarakan idea

Oleh Maria Uffa Zulkafeli  
maria.uffa@bh.com.my

► Gombak

**D**ebat Perdana Gender Diraja (The Great Royal Gender Debate) 2016 disifatkan sebagai median atau platform advokasi terbaik bagi meningkatkan pengetahuan, kesedaran dan pemahaman masyarakat berhubung isu pemerkaasan wanita serta kesaksamaan gender.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Azizah Mohd Dun, berkata peserta debat berupaya memainkan peranan sebagai duta membantu usaha itu.

“Saya yakin usul, pandangan dan cadangan dibahas oleh barisan pendebat boleh digunakan oleh kementerian dalam membuat perancangan serta

pelaksanaan dasar.

“Ini kerana dari segi pencapaian Indeks Jurang Gender 2015, Malaysia masih ketinggalan apabila berada di tangga 111 daripada 145 negara lain.

“Sebagai kementerian bertanggungjawab dalam pemerkaasan wanita dan mengaruspertandakan gender di negara ini, banyak program kesedaran berkaitan sudah dilaksanakan seperti melantik Gender Focal Point di setiap kementerian serta menubuhkan Majlis Penasihat dan Perundingan Wanita,” katanya.

#### Ketepikan cabaran

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan penutupan Debat Perdana Gender Diraja (The Great Royal Gender Debate) 2016 di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) di sini, baru-baru ini.

Yang turut hadir ialah Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar) UIAM merangkap Pengurus Majlis Debat Universiti Malaysia (MADUM), Datuk Dr Mizan Hitam, dan Pengarah Institut Pengupayaan Wanita Bagi Anggota Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NIEW), Normalia Ibrahim.

Pada saingan akhir itu, Taylor's University melalui pasukan A melakar sejarah tersendiri apabila julung kali mengungguli pertandingan berkenaan bagi Kategori Bahasa Inggeris, manakala UIAM menerusi pasukan A mengulangi kejayaan dua tahun lalu dengan memenangi Kategori Bahasa Melayu.

Pasukan Taylor's University A yang diwakili N Mahherraj dan Amrit Agastia berjaya mengetepikan cabaran daripada Taylor's University B, UIAM dan Universiti Asia Pasifik (APU).

Pasukan UIAM A yang diwakili Nur Anisatul Ashikin Abd Rauf dan Muhamad Sharulnizam Md Roni pula menewaskan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) B, Universiti Putra Malaysia (UPM) B dan Universiti Sains Malaysia (USM) A.

#### Wajar diteruskan

Kedua-dua pasukan johan membawa pulang hadiah wang tunai RM3,500 berserta piala pusingan, piala iringan dan sijil, manakala Amrit serta Nur Anisatul Ashikin turut menerima hadiah wang tunai RM600 dan piala selepas dinobatkan pendebat terbaik pusingan akhir bagi kategori masing-masing.

Seterusnya, Azizah berkata, beliau secara peribadi berharap lebih ramai pendebat wanita akan berkecimpung dalam arena politik pada masa depan kerana suara kaum Hawa hanya mewakili 10.4 peratus di Dewan Rakyat, Dewan Negara (20.3 peratus) dan Jemaah Menteri (8.8 peratus) ketika ini.

Beliau percaya bahawa dengan adanya lebih ramai Ahli Parlimen wanita di Dewan Rakyat dan Dewan Negara, usaha mengaruspertandakan dan memperkasa kesaksamaan gender dapat dilaksanakan secara lebih efektif.

Sementara itu, Nur Anisatul Ashikin berkata, Debat Perdana Gender Diraja (The Great Royal Gender Debate) 2016 wajar diteruskan kerana dapat memupuk kesedaran gender dalam kalangan mahasiswa universiti.

“Program ini juga menjadi platform untuk mahasiswa menyuarakan idea,” katanya.



Amrit dan Mahherraj dinobatkan johan Kategori Bahasa Inggeris.



Sebahagian penonton yang menghadiri pertandingan akhir Debat Perdana Gender Diraja (The Great Royal Gender Debate) 2016 di UIAM.



Nur Anisatul Ashikin dan Muhamad Sharulnizam meraikan kemenangan bersama Azizah (kiri) dan Dr Mizan (kanan).